

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]
TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan mempunyai pelan perancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam menghadapi sebarang ancaman banjir dan juga kemarau di masa akan datang; dan
- (b) apakah bantuan-bantuan khusus bagi mangsa-mangsa banjir yang ada disediakan oleh Kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Perancangan jangka panjang yang dilakukan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bagi menghadapi kemungkinan berlaku banjir adalah melalui langkah-langkah struktur seperti pembinaan infrastruktur tebatan banjir iaitu sistem saliran, terowong SMART, kolam-kolam takungan dan empangan tebatan banjir. Manakala perancangan jangka pendek termasuklah langkah bukan struktur, seperti menyebarkan amaran awal banjir supaya rakyat yang tinggal di kawasan banjir boleh bersedia dan pengurusan bantuan bencana banjir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi mengurangkan kesan akibat banjir.

Manakala untuk menangani kemarau pula, JPS yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sumber air di Malaysia melaksanakan pemantauan terhadap paras air sungai dan paras air empangan serta menyebarkan maklumat tersebut kepada agensi-agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya dan makluman orang awam melalui Sistem Pemantauan Kemarau secara 'online' di laman sesawang: <http://infokemarau.water.gov.my/index.cfm>

- b) Kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu rakyat yang ditimpa musibah bencana banjir. Pemberian bantuan wang ihsan RM500

oleh Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) merupakan bantuan yang diberikan kepada Ketua Isi Rumah yang terlibat dengan bencana banjir bagi mengurangkan beban mangsa yang mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda.

Selain itu, beberapa Kementerian/ Agensi/ Jabatan Kerajaan lain juga turut memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana banjir iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sekian, terima kasih.